

KL, Jakarta sokong Penyelesaian Dua Negara selesai konflik di Asia Barat

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani dan Nadirah Surtir
bhrencana@bh.com.my



Israel menyerang Iran dengan menyasarkan kawasan tenaga nuklear diusahakan negara itu meskipun tiada bukti setakat ini, termasuk daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang mengatakan Iran menghasilkan senjata nuklear. Tanggapan bahawa Iran menghasilkan senjata nuklear tidak berasas sama sekali, sebaliknya satu penipuan Israel kepada dunia. Serangan Israel juga disasarkan bertujuan menggagalkan usaha perundingan nuklear sedang diusahakan antara Amerika Syarikat (AS) dengan Iran yang dikatakan akan berlangsung dua hari selepas serangan berkenaan.

Serangan Israel itu bercanggah dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Perangka 1 dan 2 yang melarang sebarang serangan dilancarkan terhadap mana-mana negara berdaulat secara bersendirian.

Sebaliknya, reaksi Iran melancarkan serangan peluru balistik berpandu dan dron adalah bersesuaian dengan Perangka 51 Piagam PBB atas dasar mempertahankan diri-sendiri (self-defence).

Sekurang-kurangnya 935 orang terbunuh di Iran sepanjang perang 12 hari dengan Israel berdasarkan laporan media rasmi negara itu pada hujung bulan lalu selepas gencatan senjata mula berkuat kuasa pada 24 Jun.

Kita melihat kemungkinan peperangan itu sukar diselesaikan, apatah Iran sendiri melahirkan keraguan terhadap kesediaan Israel mematuhi gencatan senjata terbabit.

Tidak hairanlah, perdebatan kita masih melihat kepada kemungkinan berlakunya Perang Dunia Ketiga. Namun, ramai juga skeptikal peperangan ini akan lebih memburuk. Ini kerana mereka melihat ia boleh diselesaikan secara segera dengan campur tangan kuasa besar dan PBB.

Menarik untuk melihat adalah bagaimana perspektif Malaysia dan Indonesia atas dasar peperangan ini yang wujud kebimbangan boleh menjadi satu peperangan nuklear era baharu sekiranya tidak ditangani segera.

Secara asasnya, Malaysia dan Indonesia memberi pendekatan mengancam serangan berlaku, khususnya oleh Israel yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman di Asia Barat. Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengancam serangan tidak bertanggungjawab Israel berkenaan dan menyatakan sokongan kepada Iran untuk mempertahankan diri.

Anwar mempersoalkan bagaimana pembunuhan kepada rakyat awam, termasuk pemimpin dan tentera Iran boleh dibenarkan semata-mata dijadikan strategi perang dalam menghadapi tindak balas Iran nanti.

Di Indonesia, Presiden Prabowo Subianto sebelum ini meminta kedua-dua pihak Iran dan Israel menghentikan serangan berterusan kerana ini akan menjejaskan kedua-dua buah negara dan diimbangi akan menyebabkan berlakunya peperangan lebih besar pada masa hadapan.

Indonesia meminta masyarakat antarabangsa khususnya Russia dan China bertindak segera menghentikan peperangan berkenaan. Namun apa yang menarik hasil tinjauan media di Indonesia bahawa Prabowo seakan-akan sudah mengetahui

akan berlakunya serangan Israel terhadap Iran.

Ini kerana Israel terlalu mendesak AS untuk bertindak menyerang Iran. Disebabkan keengganan Presiden AS, Donald Trump menyerang Iran pada awalnya, Israel mengambil tindakan menyerang Iran secara unilateral atau bersendirian, sekali gus mendesak AS membantu kemudian dalam menghadapi serangan Iran.

Jadi jelaslah strategi Israel berkesan kerana AS secara langsung terbabit membantu Israel menyerang Iran seperti diucapkan Trump pada hantaran media sosialnya pada 21 Jun lalu yang menyatakan tentera udaranya menyerang kawasan nuklear Iran.

Sukar menewaskan Iran

Sebenarnya agak sukar untuk menewaskan Iran kerana dengan penduduk berjumlah 92 juta, ia mampu mempertahankan negara itu sendiri.

Bentuk muka bumi Iran bergunung-ganang dan bergurun serta kemampuan persenjataan Iran canggih menjadi agak sukar bagi Israel mengalahkan Iran.

AS dan Israel tidak mampu menghantar tentera darat untuk menawan Iran kerana keadaan domestik Iran sukar ditawan.

Berbalik kepada perspektif Malaysia dan Indonesia, kedua-dua negara ini mempunyai dasar jelas untuk tidak mengiktiraf negara haram Israel.

Malaysia dan Indonesia jelas mendukung perjuangan Palestin dan mengiktiraf Palestin sebagai negara sah termasuk dalam kenyataan media bersama Anwar dan Prabowo di Jakarta, baru-baru ini.

Prabowo juga ketika pertemuan dengan Presiden Perancis, Emmanuel Macron menjelaskan Indonesia hanya akan mengiktiraf Israel setelah Israel dan dunia mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang sah.

Baru-baru ini, Trump pernah menyatakan hasratnya untuk mengiktiraf Palestin dan melihat kemungkinan Palestin boleh dilihat sebagai negara yang sah.

Kebimbangan ini dikatakan oleh banyak penganalisis sebagai punca serangan Israel ke atas Iran untuk mengaburi mata dunia dan AS bahawa Palestin tidak boleh diiktiraf, sekali gus Israel perlu dipertahankan kerana kononnya ancaman Iran wujud untuk menjahanamkan Israel.

Pandangan Prabowo lebih merujuk kepada has-

rat masyarakat antarabangsa yang melihat kepada potensi penyelesaian konflik secara kaedah Penyelesaian Dua Negara.

Malaysia juga beranggapan hampir sama, iaitu kewujudan negara Palestin perlu diterima sepenuhnya. Hanya rakyat Palestin sendiri mempunyai hak untuk menentukan diri mereka sendiri.

Sekiranya kewujudan negara Palestin akan menyebabkan warga Palestin menerima konsep Penyelesaian Dua Negara, kerajaan akan memberikan sokongan sama.

Jika mereka menentang konsep Penyelesaian Dua Negara, maka kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus mengikut perspektif menentang konsep berkenaan.

Bagi Malaysia dan Indonesia, kedua-dua negara mahu hak rakyat Palestin dikembalikan semula terutama sekali hak mereka yang dijamin undang-undang antarabangsa seperti hak untuk pulang, peroleh semula tanah mereka serta hak kebebasan asasi.

Meskipun ada kritikan terhadap Kerajaan Malaysia dan Indonesia mengenai kesediaan kedua-duanya untuk menyokong pendekatan masyarakat antarabangsa seperti Penyelesaian Dua Negara, ia banyak bergantung kepada kesediaan rakyat serta Kerajaan Palestin sendiri menyokong konsep itu meskipun pemerintah Israel dilihat tidak sedikitpun menyetuinya.

Dari segi peperangan antara Israel dengan Iran, kedua-dua negara sudah memanggil pulang rakyat masing-masing kerana bimbang peperangan ini akan merebak ke negara kejiranan seperti Iraq, Syria, Jordan dan Lubnan. Walaupun gencatan senjata masih berlangsung, Israel bila-bila masa boleh mencabulinya seperti apa berlaku sebelum ini.

Malaysia dan Indonesia mendesak satu resolusi boleh dikeluarkan PBB khususnya melalui Majlis Keselamatan untuk menamatkan segera peperangan.

Yang jelas, perspektif Malaysia dan Indonesia adalah hampir sama dalam melihat pendekatan penyelesaian segera secara diplomasi dan peperangan perlu dihentikan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

